

Sambutan Hari Bumi budayakan kelestarian alam sekitar

Negara menyambut program Hari Bumi pada 22 April lalu dalam suasana ketidakpastian iklim alam sekitar dunia yang berlaku di luar kelaziman. Tema sambutan Hari Bumi tahun ini ialah *it's our turn to lead* yang boleh ditafsirkan sudah tiba masanya untuk kita memimpin dalam bidang apa sekalipun yang memberikan manfaat dan kesejahteraan kepada manusia sejagat.

Sempena Hari Bumi ini, Jabatan Alam Sekitar menganjurkan Majlis Penganugerahan Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) yang telah berada di persada kelestarian negara sejak lebih satu dasawarsa yang lampau.

Program berasaskan pendekatan menyeluruh warga sekolah ini mendapat sambutan menggalakkan di seluruh negara. Secara tidak langsung program ini menguji kecerdasan dan keupayaan seluruh warga sekolah dalam membentuk warga celik alam sekitar seiring dengan pendidikan untuk pembangunan lestari yang menekankan aspek kelestarian sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Pengiktirafan tertinggi

Program ini bukanlah satu bentuk pertandingan mutlak tetapi lebih menjadi pengiktirafan tertinggi terhadap usaha membudayakan nilai murni alam sekitar pada peringkat sekolah. Kefahaman tentang konsep pembangunan lestari dan aspek berkaitan dengannya akan membawa kepada pembentukan dan pembangunan sebuah masyarakat berdayahuni dengan alam sekitarnya terpelihara serta ekonomi yang kukuh melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti yang terkandung dalam program SLAAS ini.

Hasrat murni program sekolah ini adalah untuk membudayakan kelestarian alam sekitar yang memberikan pengertian iaitu merujuk kepada amalan yang dilakukan secara berterusan dan berulang-ulang pada keseluruhan skala masyarakat.

Kesedaran ini bersifat inovatif di samping memperbaiki dan mewujudkan kesedaran alternatif lain. Dalam konteks lebih luas, pembangunan ekonomi secara berterusan boleh menyediakan kekayaan bagi menyelesaikan bukan sahaja hambatan bagi kelestarian pembangunan seperti mereka yang terpinggir dan miskin tetapi juga kesan negatif yang terhasil akibat perubahan persekitaran.

Kekayaan yang terlonggok boleh digerakkan bagi memajukan sosio-ekonomi penduduk sesebuah negara. Dalam suasana negara menuntut kemajuan ekonomi yang tinggi untuk mencapai negara maju menjelang 2020, kerosakan alam sekitar tidak dapat dielakkan tetapi seharusnya diminimumkan kesannya.

Tingkat kesedaran masyarakat

Kesan dirasakan lebih besar misalnya penipisan lapisan ozon, keadaan iklim tidak menentu; banjir melampau dan tanah runtuh, semuanya telah membangkitkan kegusaran masyarakat dunia umumnya dan negara ini khususnya. Fenomena ini sedikit sebanyak meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menjaga dan memulihara ekosistem bumi.

Dalam sistem pendidikan negara ketika ini, secara purata setengah juta pelajar akan memasuki sistem persekolahan setiap tahun dan seramai itu jugalah akan keluar menuju pengajian tinggi atau meneroka alam pekerjaan. Jika jumlah begitu ramai dapat diterapkan dengan nilai murni alam sekitar sebaiknya - kepentingan menjaga sistem ekologi yang begitu penting dalam penerusan kehidupan masyarakat umumnya - dalam jangka 15 hingga 20 tahun akan datang, hampir 10 juta pelajar dapat didedahkan dengan nilai murni ini.

Rata-ratanya rakyat Malaysia semakin menyedari pengaruh dan pentingnya alam sekitar terhadap kehidupan harian mereka melalui pelbagai kempen dijalankan kerajaan, pihak swasta serta orang perseorangan.

Jika alam sekitar yang ada tidak dipelihara dan yang rosak tidak dipulihara akhirnya akan memudaratkan bukan sahaja individu itu sendiri tetapi juga seluruh masyarakat dan akhirnya merebak ke serata alam yang lain pula.

Untuk mencapai ke satu tahap kelestarian, kita perlu menggali hingga ke akar umbi budaya masyarakat untuk mengetahui rahsia terkandung di dalamnya dan menjauhkan kesilapan yang pernah dilakukan akibat daripada sikap dan buta alam sekitar masyarakat yang wujud sebelum ini.

Proses pembangunan yang ditempuh dalam tempoh lebih lima dasawarsa yang lampau semenjak negara mencapai kemerdekaan menerusi pembangunan industri, pambandan dan pelbagai lagi bentuk pemodenan sebahagiannya telah menghancurkan keupayaan ekosistem alam yang menyokong kehidupan seharian masyarakat.

Namun, program alam sekitar yang berulang-ulang di sekolah akhirnya akan membentuk satu budaya murni kelestarian alam sekitar dan jika telah sehati dalam jiwa maka budaya kelestarian alam sekitar ini akan menjadi darah daging untuk keseluruhan masyarakatnya maka kemampuan untuk memimpin budaya kelestarian ini akan terlerah.

Penulis

ialah Prof Madya/Felo Kanan & Ketua Hal-ehwal Jaringan dan Industri (HEJIM), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM



**SHAHARUDIN
IDRUS**